

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
SOALAN : 17

YB Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pertimbangan yang diambil oleh Kementerian dalam keputusan untuk menghasilkan ubat generic Hepatitis C yang menjimat kos Kerajaan serta meringankan beban pesakit dan adakah kementerian juga mempertimbangkan untuk usaha yang sama agar ubat generic untuk penyakit kanser dan kronik lain juga.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan '*compulsory licensing*' atau '*government use*' / *rights of government* merupakan sebahagian fleksibiliti yang terdapat di dalam perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) bersama *World Trade Organization* (WTO). '*Compulsory licensing*' bermaksud kerajaan membenarkan syarikat tempatan untuk mengilang ubat yang diperlukan dalam negara berkenaan walaupun produk *innovator* telahpun dipatenkan manakala dengan Hak Kerajaan (*Rights of Government*) , ubat boleh diimport atas sebab masalah kesihatan

awam (*public health concern*) walaupun produk *innovator* telahpun dipatenkan.

Bagi ubat kanser dan juga penyakit kronik yang lain, kebanyakan ubat-ubat tersebut adalah produk *innovator* dan tiada produk generik. Oleh itu mekanisma di atas tidak dapat dilaksanakan. Tambahan pula, penyakit-penyakit di atas bukan merupakan masalah kesihatan awam (*public health concern*) di Malaysia. Contoh masalah kesihatan awam adalah penyakit-penyakit berjangkit seperti jangkitan HIV/ AIDS dan Hepatitis C.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kaedah atau strategi lain yang boleh digunakan untuk menambahbaik akses pesakit kepada ubat-ubatan yang terlalu mahal seperti untuk rawatan kanser dan penyakit kronik yang lain. Antaranya ialah dengan kerjasama antara kerajaan dan swasta dalam hal rundingan harga dan perolehan ubat melalui kaedah *Patient Assistance Scheme* dan menggalakkan pendaftaran ubat-ubatan generik/ biosimilars (jika ada). Strategi-strategi ini sedang dikaji dan ia turut dilaksanakan di negara-negara lain sebagai usaha meningkatkan akses pesakit kepada ubat-ubatan yang mahal.